

12 DEC 1999

Mahathir-MCA

KOH TSU KOON TEMUI PM MINGGU DEPAN BINCANG ISU TUNTUTAN MCA

PELABUHAN KLANG, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan menemuinya minggu depan bagi membincangkan permintaan MCA supaya diberikan lebih banyak jawatan exco dalam pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang termasuk jawatan Timbalan Ketua Menteri.

Beliau berkata isu itu dijangka dapat diselesaikan selepas pertemuan itu.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa MCA bercadang untuk menarik diri daripada pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai Gerakan itu sekiranya mereka tidak diberi lebih banyak jawatan exco.

Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dilaporkan akan mengadakan mesyuarat tergempar dengan beberapa pemimpin parti untuk membincangkan cadangan penarikan diri itu.

"Penyelesaian akan ada tidak lama lagi, sabarlah sikit," katanya dalam sidang berita di Pusat Perniagaan Pelabuhan Barat di sini selepas melawat sekitar kapal kontena terbesar dunia "Clifford Maersk" dan mendengar taklimat daripada Ling mengenai pengurusan Pelabuhan Klang di sini, petang ini.

Dr Ling, yang ditemui selepas majlis itu, bagaimanapun enggan mengulas sebarang pertanyaan dari para pemberita berhubung perkara itu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang mencari jalan untuk mengawal kegiatan pihak tertentu yang menggunakan masjid untuk menyebarkan pelbagai bentuk pembohongan.

"Masjid tempat kita bersembahyang, beribadat, berjemaah dan merapatkan hubungan silaturrahim antara orang Islam, tetapi sebaliknya ia digunakan untuk lempar fitnah, buat tuduhan yang tidak berasas, termasuk kononnya Malaysia ada hubungan dengan Israel, macam-macam lah...," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir menyatakan keyakinannya bahawa Datuk Dr Abdul Hamid Othman, yang dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, akan mampu melaksanakan tugas-tugas membasmi kegiatan itu.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau sependapat dengan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob yang berkata akan melucutkan jawatan Exco kerajaan negeri sekiranya ada kalangan mereka tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Katanya ia adalah perkara biasa kerana kerajaan hanya memerlukan "orang-orang yang boleh buat kerja" dalam pentadbiran.

-- BERNAMA

AZH NAK